

PERADUAN GAMBAR ATAU VIDEO “#ShellSelamatSampai – Road Safety Hero” – TERMA DAN SYARAT:

1. Peraduan gambar atau video “#ShellSelamatSampai – Road Safety Hero” (“**Peraduan**”) dianjurkan oleh Shell Malaysia Berhad (No. Syarikat 992653-D)(“**Shell**”).
2. Tempoh peraduan adalah dari 11 November 2020 (09:00 pagi) hingga 11 Disember 2020 (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh, yang boleh dilanjutkan oleh Shell tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Peraduan ini hanya dibuka kepada semua pelanggan Shell di Malaysia yang merupakan warganegara Malaysia yang berusia tidak kurang daripada enam belas (16) tahun (“**Peserta**”) kecuali bagi kategori orang berikut:
 - a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak (“**Kakitangan**”) Shell dan Syarikat Gabungannya serta ahli keluarga terdekat mereka iaitu suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik (“**Ahli Keluarga Terdekat**”);
 - b) Penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Shell dan Syarikat Gabungannya (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pengiklanan, agensi promosi, syarikat percetakan dan agensi pengurusan acara), dan Kakitangan serta Ahli Keluarga Terdekat mereka; dan
 - c) Wakil penjual, pedagang atau pengedar mana-mana Produk Shell termasuk Peruncit Stesen Petrol Shell dan Kakitangan serta Ahli Keluarga terdekat mereka.
4. Untuk menyertai Peraduan dan merebut peluang memenangi satu daripada Hadiah Peraduan, Peserta mestilah:
 - a) Menulis sebuah cerita atau kejadian dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, tidak kurang daripada 100 patah perkataan dan maksimum 1000 patah perkataan, mengenai bagaimana individu yang dicalonkan ini mengambil langkah atau usaha yang luar biasa dalam memastikan keselamatan jalan raya di kawasan anda. Cerita tersebut dihantarkan menerusi laman web ini;
 - b) Anda boleh memuat naik foto atau mengirimkan pautan video di laman web ini. Penyerahan foto atau video adalah WAJIB;
 - c) Sertakan butiran lengkap pencalon dan juga calon seperti Nama Penuh, No. Kad Pengenalan MyKad, alamat emel dan nombor telefon bimbit;
 - d) Kesemua maklumat yang diserahkan hendaklah benar dan betul pada masa penamaan calon.

5. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu Borang Peraduan dalam Tempoh Peraduan. Setiap penyertaan MESTI dihantar secara berasingan melalui laman web ini.

Nota Penting: Semua langkah tertera di atas wajib dipenuhi. Borang Peraduan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi kriteria akan dikecualikan daripada peringkat pemilihan.

6. Pencalonan boleh dibuat oleh sebarang individu tanpa mengira kedudukan, organisasi atau afiliasi yang memenuhi kriteria seperti yang dijelaskan di dalam Klausula 4.
7. Agensi pengurusan yang dilantik akan menjalankan proses menyemak latar-belakang “due diligence” untuk mengesahkan semua cerita yang dihantar sebelum menyenarai pendek calon-calon Road Safety Hero dan pencalon-pencalon. Semasa proses menyemak latar-belakang, anda perlu menyediakan butiran SEORANG wakil pihak lain yang boleh mengesahkan cerita anda.
8. Pemilihan Pemenang Hadiah Peraduan seramai LIMA (5) orang calon Road Safety Hero beserta dengan pencalon-pencalon akan dilakukan seperti berikut:
 - a) Pemenang akan dipilih selepas selesai Tempoh Peraduan oleh agensi pengurusan yang telah dilantik oleh Shell (“**Tempoh Pemilihan**”).
 - b) Pemenang dan cerita yang disenarai pendek telah memenuhi dan mematuhi proses menyemak latar-belakang “due diligence” yang dikendalikan oleh agensi pengurusan yang dilantik.
 - c) Shell, panel hakim dan agensinya berhak untuk menemu ramah calon, pencalon dan wakil tambahan untuk memastikan bahawa penyertaan telah disahkan dan memenuhi maklumat yang diperlukan.
 - d) Semua penyertaan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh panel hakim, di mana tugasnya adalah untuk memilih penyertaan yang merupakan contoh terbaik calon #ShellSelamatSampai Road Safety Heroes.
 - e) Peserta yang menghantar pencalonan mereka tidak semestinya bermaksud akan memenangi anugerah ini.
 - f) Pemenang yang telah disenarai pendek akan dihubungi dan dimaklumkan menerusi panggilan telefon melalui nombor telefon yang telah disertakan bersama-sama dengan butiran peribadi dan pemenang ini akan melalui proses pengesahan sekali lagi setelah dihubungi.
 - g) Jumlah kesemua pemenang adalah seramai LIMA (5) orang calon Road Safety Heroes dan LIMA (5) orang pencalon.
 - h) Pemenang-pemenang hadiah yang telah berjaya akan dihubungi dan proses penghantaran hadiah-hadiah yang berkaitan (termasuk hadiah Wang Tunai dan

sebarang pembayaran) akan dilaksanakan oleh wakil sah agensi pengurusan yang dilantik oleh Shell.

- i) Senarai Pemenang Hadiah akan diumumkan pada 18 Januari 2021 menerusi laman Facebook Shell.

9. Terma dan syarat berikut dikenakan ke atas Hadiah Peraduan:

- a) Hadiah adalah seperti yang dinyatakan dan dijelaskan di laman web ini, dan tertakluk kepada ketersediaan.
- b) Hadiah Peraduan disediakan dalam keadaan "Sedia Ada" dan tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga.
- c) Sekiranya Hadiah Peraduan tidak dapat disediakan, Shell berhak untuk menggantikan Hadiah Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- d) Hadiah Peraduan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau barangan.

10. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta secara nyata bersetuju dan memberi izin untuk:

- a) mengambil bahagian dalam Peraduan dan terikat dengan Terma dan Syarat Peraduan, termasuk semua keputusan Shell berhubung dengan Peraduan;
- b) membolehkan Shell, Syarikat Gabungan dan agensinya untuk memproses dan mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga semua data peribadi Peserta yang diberikan oleh Peserta bagi Peraduan ini untuk sebarang dan semua tujuan berkaitan Peraduan dan dalam semua aktiviti berkaitan dengan atau berhubung dengan urusan perniagaan Shell dan syarikat Gabungannya;
- c) membenarkan Shell untuk mengumpul, mendedahkan dan berkongsi antara mereka dan penyedia perkhidmatan mereka yang berkenaan, data peribadi Peserta, termasuk gambar atau audio-video atau rakaman lain Peserta untuk publisiti dan/atau pengiklanan merentasi semua media, dalam format asal atau diedit, dan sama ada untuk mempromosi Peraduan atau selainnya tanpa pemberitahuan, imbuhan atau ganjaran.
- d) memberi kebenaran kepada Shell untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan di bawah Peraduan ini menurut Dasar Privasi Promosi yang membentuk sebahagian penting daripada Terma dan Syarat Peraduan.

11. Semua keputusan Shell tentang segala hal termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Peserta, Ciri-Ciri Peraduan dan/atau Hadiah Peraduan untuk Peraduan ini atau sekiranya berlaku sebarang pertikaian, adalah muktamad dan mengikat dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan.

12. Shell berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan ini dengan atau tanpa memberi notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan, tindakan Shell membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan ini tidak akan melayakkan mana- mana pihak untuk membuat sebarang tuntutan

atau pampasan terhadap Shell bagi sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh mana-mana pihak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

13. Dalam apa jua keadaan sekali pun, Shell tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau ganti rugi, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, ganti rugi yang timbul secara langsung atau tidak langsung, berkaitan, turutan, teladan, punitif atau khas termasuk kepada pihak ketiga, walau bagaimana ia timbul sama ada menerusi kontrak, tort, kecuaiian atau selainnya, berhubung dengan Peraduan, walaupun jika Shell telah memaklumkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua kerosakan tersebut dikecualikan secara nyata.
14. Semua Peserta bertanggungjawab secara peribadi terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, jika ada, berhubung dengan Peraduan ini.
15. Shell berhak atas budi bicara mutlakanya untuk meminda, menggugurkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini dari masa ke masa tanpa notis terlebih dahulu.
16. Terma dan Syarat ini, seperti yang mungkin dipinda dari masa ke semasa, akan diguna pakai mengatasi sebarang peruntukan dan pernyataan yang terkandung di dalam mana-mana iklan bahan promosi lain Peraduan ini.
17. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.shell.com.my, atau hubungi Talian Khidmat Pelanggan Shell di 1300-88-1808.
18. Sekiranya terdapat ketidakseragaman, percanggahan, kesamaran atau perbezaan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

TERMS AND CONDITIONS – “#ShellSelamatSampai – Road Safety Hero” PHOTO OR VIDEO CONTEST:

1. The “#ShellSelamatSampai – Road Safety Hero” Photo OR Video Contest (“**Contest**”) is organized by Shell Malaysia Limited (Company No. 992653-D) (“**Shell**”).
2. The Contest Period is from 11th November 2020 (09:00 AM) to 11th December 2020 (11:59 PM), both dates inclusive, which can be extended by Shell without prior notice.
3. The Contest is open only to all Shell customers in Malaysia who are Malaysian citizens and not less than 16 years old (“**Participant**”) except for the following categories of persons:
 - a) permanent and/or contract employees (“**Employees**”) of Shell and its Affiliates and their immediate family members i.e. spouses, children, parents, brothers and sisters (“**Immediate Family Members**”);
 - b) service providers engaged by Shell and its Affiliates (including but not limited to advertising agencies, promotion agencies, printing companies and event management agencies), and their Employees and Immediate Family Members; and
 - c) dealers, traders or distributors of any Shell Products including Shell Petrol Station Retailers, and their Employees and Immediate Family Members.
4. To participate in the Contest and stand a chance to win one of the Competition Prizes, the Participant must:
 - a) Write a story or incident of how this individual takes extraordinary efforts in ensuring and maintaining road safety within your area, in more than 100 words and maximum of 1000 words, in Bahasa Malaysia or English. Stories to be submitted on this website;
 - b) You may upload a photo or submit a video link on this website. Photo or video submission is compulsory;
 - c) Submit complete personal details for both nominator and nominee such as full name, Identification Card (IC) number, email address and mobile phone number;
 - d) All information submitted must be true and correct as at the time of nomination.
5. Participants can submit as many entries as they wish within the Contest Period. Each entry must be submitted individually through this website.

Important Note: Strict fulfilment of all the steps stated is required. The photo or video link submissions which do not strictly fulfil all the criteria's stated above shall be excluded from the selection pool.

6. Nominations can be submitted by any individuals to nominate any other individuals, regardless of their positions, organisations or affiliations who meet the criteria as outlined in Clause 4.
7. The appointed delivery agency will carry out due diligence process to authenticate all submitted stories before shortlisting the Road Safety Heroes and nominators. During the due diligence session, you will be required to provide details of ONE other referee for the team to authenticate your story.
8. Selection of Winners for the FIVE (5) Road Safety Heroes and Nominators' prizes will be conducted as follows:
 - a) The winners shall be chosen after the end of the Contest Period by Shell's appointed agency ("**Selection Period**").
 - b) The shortlisted winners and stories have complied with the due diligence process conducted by the appointed delivery agency.
 - c) Shell, its panel of judges and agencies reserve the right to interview nominees, nominators and additional referees to ensure that the submissions adequately present the requisite information.
 - d) All submissions are reviewed according to set criteria by the judges, whose task is to select from the submissions those nominees who best exemplify #ShellSelamatSampai Road Safety Heroes.
 - e) Participants who submit their nominations does not automatically mean that they will receive an award.
 - f) The shortlisted Winners will be contacted and notified via telephone call to the telephone number stated in the complete personal details and the shortlisted Winners shall be subject to further verification once contacted.
 - g) The total number of Winners shall be five (5) Road Safety Heroes and five (5) nominators.
 - h) Winners of the Prizes shall be contacted by, and the facilitation of the relevant prizes (including all related and necessary payments thereof) shall be made by, the authorised representatives of Shell's appointed delivery agency, upon successful selection above.
 - i) Winners of the Prizes will be announced on 18th January 2021 through the Shell's Facebook page.

9. The following terms and conditions apply to the prize:

- a) The prizes are as stated and described on this website, and may be subject to availability
- b) The prize is provided on an "As Is" basis and is not transferable to third parties.
- c) Shell reserves the right to substitute the prize without prior notice.
- d) The prize is not exchangeable for credit or kind.

10. By participating, the Participant expressly agree and consent to:

- a) Participate in this Contest and be bound by these Terms and Conditions including all Shell's decisions in relation to the contest;
- b) allow Shell, its Affiliates and its agencies to process and disclose to any third party, the necessary personal data of the Participants provided by the Participants for this Promotion for any and all purposes in relation to this Promotion and any and all other activity relating to or arising from the course of business or businesses of Shell and its Affiliates;
- c) allow Shell to collect, use, disclose and share amongst themselves and their respective service providers, the Participants' photographs or audio-video or other recordings of the Participant for publicity and/or use in advertisements across all media, in its original or edited format, in relation to this Contest without further notification, remuneration or compensation.
- d) Authorize Shell to process the Participants' personal data provided pursuant to this Contest in accordance to the Contest Privacy Policy which forms an integral part of these Terms and Conditions.

11. All Shell's decision on all matters including but not limited to the eligibility of the Participants, Contest Mechanics and/or Prizes for this Contest or in the event of any dispute shall be final and binding and no correspondence or appeals shall be entertained.

12. Shell reserves the right to cancel, terminate or suspend this Contest with or without any prior notice. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by Shell of this Contest shall not entitle any party to any claim or compensation against Shell for any and all losses or damage suffered or incurred by any party as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

13. In no event will Shell be liable for any loss or damages including without limitations, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties howsoever arising whether in contract, tort, negligence or otherwise, in connection

with this Contest, even if Shell has been advised of the possibility of such damages in advance, and all such damages are expressly excluded.

14. All Participants shall be personally responsible for all taxes, rates, government fees or any other charges that may be levied against them under applicable laws, if any, in relation to this Contest.
15. Shell reserves the right at its absolute discretion to amend, delete or add to any of these Terms and Conditions from time to time without prior notice.
16. These Terms and Conditions, as the same may be amended from time to time, shall prevail over any provisions or representations contained in any other promotional material advertising this Contest.
17. For more information, please visit www.shell.com.my, or contact Shell Customer Service at 1300-88-1808.
18. In the event where there is any inconsistency(ies), conflict(s), ambiguity(ies) or discrepancy(ies) between English and Bahasa Malaysia versions of these Terms and Conditions, the English version of these Terms and Conditions shall prevail.